

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 25 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 12 HINGGA NO. 47)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang telah dilakukan untuk mengoptimumkan fasiliti dan kemudahan latihan pertanian serta perancangan Kementerian bagi meningkatkan produktiviti industri agromakanan negara dalam koridor pertanian khususnya di Negeri Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mempunyai lima belas (15) buah Pusat Bertauliah yang menawarkan program TVET Pertanian di seluruh negara yang mana dua (2) daripadanya berada di negeri Kedah iaitu Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Tangga dan MADA *Rice Training Centre* (MRTC), Alor Setar. Pusat Bertauliah KPKM menawarkan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sehingga Diploma Kemahiran Malaysia (DKM).

KPKM komited untuk mengoptimumkan fasiliti dan kemudahan latihan sedia ada. Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) **Pertama: Meningkatkan dan menambahbaik fasiliti dan kemudahan** latihan pertanian agar selari dengan keperluan industri dan teknologi terkini. Pada tahun 2024, KPKM telah memperuntukan sebanyak Dua Puluh Enam Perpuhuan Tiga Juta Ringgit (RM26.3 juta) bagi menaik taraf kemudahan di lima belas (15) Pusat Bertauliah seluruh negara untuk memastikan pelatih menikmati kemudahan dan prasarana yang lebih baik. Selain itu, pelatih juga diberikan elaun saku iaitu sebanyak Dua Ratus Ringgit Sebulan (RM200) bagi Sijil Kemahiran Malaysia dan Dua Ratus Lima Puluh Ringgit (RM250) sebulan bagi Diploma Kemahiran Malaysia serta makan, minum dan penginapan ditanggung sepenuhnya.
- (ii) **Kedua: Menambahbaik kurikulum** supaya selari dan memenuhi keperluan industri terkini. Pada tahun 2023, tiga (3) *National Occupational Skills Standard* (NOSS) telah ditambahbaik iaitu Operasi Pengeluaran Tanaman Tahap 3, Penyelarasan Teknologi Tanaman Tahap 3 dan Penyeliaan Operasi Pengeluaran Padi Tahap 3 dengan penglibatan pakar daripada industri; dan

- (iii) **Ketiga: Menyediakan teknologi moden** seperti penggunaan *Internet of Things* (IOT) bagi pemantauan secara jarak jauh; penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) bagi diagnosis kesihatan tanaman dan ternakan; dan penggunaan simulator pemanduan bot nelayan dan perisian *Virtual Reality* (VR) aktiviti penangkapan ikan. Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) buah Pusat Latihan telah dilengkapi dengan peralatan pengajian moden manakala baki lapan (8) Pusat Latihan akan dilengkapi secara berperingkat.

Selain itu, bagi meningkatkan produktiviti industri agromakanan negara dalam koridor pertanian khususnya di Negeri Kedah, Kementerian dalam perancangan untuk menjadikan Kolej Pertanian Malaysia Bukit Tangga sebagai Pusat Kecemerlangan TVET Pertanian (*Center of Excellent*) dengan izin sebagai penunjuk arah untuk memacu hala tuju fungsi berkaitan penyediaan perkhidmatan dan latihan teknikal serta kemahiran TVET Pertanian terutama dalam bidang tanaman.

KPKM komited untuk melahirkan tenaga kerja mahir TVET Pertanian bagi memenuhi keperluan industri yang dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti industri agromakanan negara. Dalam hal ini, KPKM akan terus meningkatkan tahap fasiliti dan kemudahan latihan pertanian bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dalam mengoptimumkan kemudahan yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA
[SELANGAU]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah Kementerian dalam menambah peruntukan pembangunan perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sentiasa komited untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk desa termasuk melalui Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS). Bagi tempoh RMKe-12, peruntukan yang diterima pada tahun 2024 adalah RM460.2 juta berbanding RM275 juta pada tahun 2021. Untuk tahun 2025 KKDW dijangka akan menerima peruntukan sebanyak RM464.4 juta untuk PPRS.

Peningkatan peruntukan ini adalah bagi membolehkan golongan miskin dan miskin tegar mendiami rumah yang selesa dan selamat. Selain itu, peningkatan peruntukan ini juga mengambil kira peningkatan kos binaan rumah PPRS. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2024, kadar bantuan Bina Baharu PPRS meningkat daripada RM66 ribu kepada **RM79 ribu bagi Semenanjung Malaysia** dan RM79 ribu kepada **RM85 ribu bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan**. Manakala kadar siling Baik Pulih PPRS meningkat daripada RM15 ribu bagi Semenanjung Malaysia dan RM17 ribu di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kepada **nilai maksimum RM20 ribu**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
[LANGKAWI]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah polisi yang sedang dibentuk dan mekanisme pemantauan bagi menghapuskan amalan subkontraktor beberapa lapis dalam projek-projek Kementerian yang mengurangkan mutu kerja akhir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Subkontraktor adalah pihak yang dilantik oleh Kontraktor untuk membantu kontraktor utama melaksanakan kerja di bawah kontrak yang telah disetujui terima kepada kontraktor utama.

Peruntukan bagi menggunakan khidmat subkontraktor oleh Kontraktor Utama semasa pelaksanaan projek adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sebagai langkah kawalan awal, sebelum kontraktor utama memberikan subkontrak kesemua atau mana-mana bahagian kerja, Syarat-syarat Kontrak menghendaki Kontraktor Utama mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P) terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, kontraktor utama masih bertanggungjawab dalam memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan adalah berasaskan kepada kontrak utama yang telah ditandatangani tanpa sebarang pengurangan terhadap kualiti dan spesifikasi minima yang dikehendaki dalam kontrak utama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) jumlah *automated external defibrillator* (AED) di premis awam di Malaysia memandangkan ia boleh meningkatkan *survival rate* mangsa serangan jantung. Bandingkan dengan negara lain; dan
- (b) perkembangan dalam melaksanakan dasar mewajibkan pemasangan AED di semua fasiliti awam menjelang 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peranti *Automated External Defibrillator* (AED) ialah peranti mudah alih penyelamat nyawa yang direka untuk merawat orang yang mengalami serangan Jantung Berhenti Mengejut atau *Sudden Cardiac Arrest* (SCA). Apabila terdapat individu mengalami SCA, orang awam di tempat kejadian, yang mempunyai pengetahuan *cardiopulmonary resuscitation* (CPR), boleh memulakan CPR sehingga ketibaan AED.
2. Setakat ini di Malaysia, tiada pangkalan data bilangan AED yang disediakan di tempat awam yang diwujudkan oleh mana-mana agensi kerajaan. Di samping itu, tiada perundangan atau mana-mana peraturan oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana perundangan pertubuhan yang mewajibkan penyediaan peranti perubatan AED di tempat awam, bangunan awam atau swasta.
3. Semakan mendapati negara Taiwan telah mempunyai perundangan untuk mewajibkan pemasangan AED di tempat awam tertentu, iaitu melalui *Taiwan Emergency Medical Services Act (2013)*.
4. Di Malaysia, pemasangan AED masih bersifat secara sukarela. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah membangunkan *Toolkits Public Access Defibrillator* (PAD) yang menjelaskan panduan menyediakan PAD termasuk spesifikasi AED dan keperluan penyelenggaraan. Pihak KKM turut mempergiatkan usaha promosi kesedaran dan latihan CPR termasuk penggunaan AED dalam komuniti menerusi pelbagai program seperti KOSPEN, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan agensi awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bentuk insentif, bantuan dan sokongan Kementerian kepada pertubuhan atau persatuan sukan seperti sukan memanah berkuda, e-sukan dan sebagainya yang telah terbukti berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa dan berpotensi besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan menyediakan beberapa bantuan dan sokongan kepada persatuan sukan untuk memperluaskan “*pool of talent*” sukan masing-masing. Dalam usaha untuk membantu sukan-sukan yang baharu ini, Kementerian sememangnya telah menyediakan beberapa dana yang boleh dipohon oleh persatuan sukan seperti Geran Padanan Sukan (GPS), Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN) bagi melaksanakan program atau kejohanan sukan di pelbagai peringkat.

Pada tahun 2024 bagi sukan elektronik (e-sports), Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM5.5 juta iaitu RM3.09 juta melalui GPS, RM424 ribu melalui DSK dan RM2 Juta melalui Peruntukan Khas bagi melaksanakan pertandingan di peringkat kebangsaan, pertandingan khas untuk wanita, bengkel kesukarelawanan, bengkel pengurusan dan pengendalian acara serta kursus kejurulatihan e-sukan.

Selain itu, Kementerian akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM250 ribu sebagai persiapan pasukan kebangsaan ke FIA Motorsport Games 2024 pada 23 hingga 27 Oktober 2024 di Spain dan IESF World ESports Championships 2024 pada 11 hingga 19 November 2024 di Arab Saudi.

Manakala bagi tahun 2023 KBS telah memperuntukkan sebanyak RM6.068 juta (RM3.477 juta melalui GPS, RM591 ribu melalui DSK dan RM2 Juta melalui Peruntukan Khas) bagi pembangunan e-sukan seluruh negara.

Bagi sukan memanah berkuda pula, pada tahun 2023 KBS telah meluluskan bantuan GPS:

- a. sebanyak RM107 ribu kepada Persekutuan Memanah Berkuda Malaysia bagi penganjuran Karnival Memanah Berkuda Antarabangsa 2023; dan

NO SOALAN : 16

- b. sebanyak RM20 ribu kepada Persatuan Memanah Berkuda Johor bagi penganjuran Johor Horseback Archery Championship 2023.

Pihak Kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM51,600 menerusi KWASN bagi penyertaan sukan memanah berkuda di World Nomad Games di Kazakhstan pada 8 hingga 14 September 2024. Kementerian berbangga dengan pencapaian pasukan e-sukan dan sukan memanah berkuda telah berjaya mencipta kejutan dengan memenangi pingat di peringkat antarabangsa, sebagai contoh:

- a. Pasukan Selangor Red Giants yang memenangi pingat emas di Mobile Legends Bang Bang Mid Season Cup, Arab Saudi;
- b. Abdurrahman Ahmad Muaz, juara kategori bawah 14 tahun di Kejohanan European Kids Horseback Archery Championship, Perancis; dan
- c. Adawiyatunnisa Azham Affif yang memenangi pingat gangsa di 1st International Horseback Archery Masters Tournament, Mongolia

Kejayaan atlet sukan e-sukan dan sukan berkuda baru-baru ini menunjukkan bahawa sukan ini telah dapat melahirkan atlet yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah peluang pekerjaan serta apakah strategi yang dirangka bagi meningkatkan peluang pekerjaan di kawasan Parlimen Segamat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa proaktif dan berusaha secara berterusan dalam merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi mempertingkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi semua rakyat termasuk di kawasan Parlimen Segamat. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. KESUMA melalui PERKESO mempergiatkan beberapa program bagi menggalakkan penyertaan tenaga kerja antaranya melalui:
 - Penyediaan **platform portal MYFutureJobs**;
 - Membangunkan **Sistem 'Carrier Bridge Tool'**. Sistem ini merupakan sistem berteraskan kaedah dalam talian yang membantu menghubungkan graduan dengan pekerjaan yang sepadan mengikut kelayakan mereka menerusi platform portal MYFutureJobs; dan
 - Membangunkan **Sistem 'Wage Guide'** yang berperanan untuk membantu graduan TVET mengenal pasti dan mengukur potensi sekali gus membuat keputusan tepat dalam pilihan kerjaya mereka.
- ii. KESUMA juga telah menandatangani **Memorandum Kerjasama (MOC) dengan pelbagai industri**. Bagi tahun 2024, sebanyak 66 MoC telah dimetrai mencakupi pelbagai bidang dan industri seperti minyak dan gas, elektrik dan elektronik, automotif, hospitaliti, pembinaan, perladangan, perabot dan telekomunikasi.
- iii. KESUMA menerusi agensi di bawahnya seperti Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) aktif dalam menawar dan menyediakan **pelbagai program *reskilling* dan *upskilling* berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** dan pelbagai disiplin cabang pekerjaan. Agensi-agensi ini menawarkan program latihan kemahiran meliputi aspek

teori dan praktikal mencakupi pelbagai bidang yang bersesuaian dengan permintaan industri semasa.

- iv. Kursus-kursus jangka pendek dan program perantisan turut ditawarkan oleh pelbagai agensi di bawah KESUMA seperti di **32 buah Institut Latihan JTM dan CIAST** serta **program Sistem Latihan Dual Nasional** yang dilaksanakan di bawah JPK. Kursus dan program ini ditawarkan kepada para peserta yang berminat untuk mendalami kemahiran bersesuaian dengan minat dan latar belakang mereka. Menerusi inisiatif ini, graduan dan belia berpeluang mendalami kemahiran berkaitan pekerjaan mereka atau kemahiran baharu sebagai persiapan mencari pekerjaan lain.
- v. KESUMA melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan HRDCorp juga melaksanakan **Insentif Latihan Amali (ILHAM) KESUMA** bagi membantu bakat baharu dan merancakkan sektor pekerjaan negara yang merangkumi empat komponen utama iaitu:
- **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP);**
 - **Geran Padanan Latihan Industri untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (LiKES);**
 - **Skim Latihan Industri (ITS)** yang direka untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar atau pelatih yang menjalani latihan di organisasi perniagaan pilihan mereka; dan
 - **Platform MyNext.**
- vi. Selain itu, KESUMA menerusi TalentCorp memberi fokus terhadap **pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara** melalui melalui sinergi dan kerjasama merentasi kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pemain industri dan institusi pengajian tinggi awam/ swasta serta teknikal. Antara inisiatif tersebut ialah:
- **Program Pecutan Bakat Berpandukan Industri (ID-TAP)**
 - **Young Employable Student (YES): We Are Ready!**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pendekatan baharu Kementerian untuk mengelak monopoli dalam pembekalan baja subsidi Kerajaan. Sejauh mana pelaksanaan anti monopoli baja ini akan memberi kesan terhadap daya saing Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pembekalan input pertanian bersubsidi kepada pesawah pada masa ini adalah dilaksanakan oleh pembekal tunggal yang telah dilantik oleh Kerajaan iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Pelantikan ini adalah berdasarkan pengalaman luas NAFAS dalam pembekalan dan pengedaran input pertanian bersubsidi sebelum ini. NAFAS juga mempunyai rangkaian organisasi pembekalan yang lengkap sehingga ke peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai jentera di lapangan dan merupakan stokis untuk pembekalan input pertanian tersebut.

KPKM mengambil maklum akan cadangan oleh Yang Berhormat bagi mengelakkan monopoli dalam pembekalan baja bersubsidi oleh Kerajaan. Pada masa ini, KPKM sedang meneliti cadangan bagi pelaksanaan pembekalan dan penghantaran input pertanian bersubsidi secara persaingan terbuka. Melalui sistem persaingan terbuka ini, semua pengilang baja termasuk pihak NAFAS akan mempunyai peluang yang sama untuk menyertai tender terbuka sekiranya diiklankan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah pembaharuan untuk memudahkan penyaluran dana penyelenggaraan perumahan kos rendah di Wilayah Persekutuan, serta membantu menyelesaikan isu dana yang tidak diperolehi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berpegang kepada prinsip MADANI iaitu kemampunan dan kesejahteraan sosial, Kerajaan memberi fokus untuk meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan rakyat, termasuk berusaha untuk membentuk kawasan perumahan berdaya huni melalui penyelesaian holistik di seluruh negara.

Dalam hubungan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) **telah melaksanakan inisiatif Program Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (PPP) untuk membantu penghuni-penghuni perumahan berstrata kos rendah awam dalam penyelenggaraan dan baik pulih kediaman mereka. Sebagai tambahan, Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) turut diwujudkan untuk membaik pulih dan menyelenggara perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah swasta. Namun begitu, kedua-dua program ini meliputi penyelenggaraan perumahan berstrata di seluruh negara kecuali di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **pengecualian inisiatif PPP dan TPPM ke atas WPKL adalah berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 22 Februari 2017.** Mantan YAB Perdana Menteri menyatakan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai deposit tetap yang besar di institusi kewangan dengan sebahagian daripadanya boleh digunakan bagi projek-projek mesra rakyat termasuk projek ***Corporate Social Responsibility (CSR)*** yang mampu menghasilkan **impak besar di WPKL.** Maka, dana KPKT boleh ditumpukan kepada program penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah awam dan kos rendah serta sederhana rendah swasta di luar WPKL.

Namun begitu, mengambil kira keperluan penyelenggaraan perumahan strata di WPKL, **KPKT telah pun mengangkat satu Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi cadangan peluasan pelaksanaan PPP dan TPPM di WPKL dan peluasan ke perumahan berstrata dengan harga belian bernilai RM300,000.00 ke bawah.**

Cadangan ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 18 September 2024. Melalui keputusan terkini Jemaah Menteri ini, penduduk strata kos rendah awam dan, kos rendah serta sederhana rendah swasta di WPKL akan turut menerima manfaat secara inklusif daripada Kerajaan Persekutuan sebagaimana negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. **Peluasan PPP dan TPPM di WPKL ini akan dibuat berdasarkan peruntukan yang diterima oleh KPKT melalui Belanjawan 2025.**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, terdapat 10 skop kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan iaitu:

- i. membaiki atau mengganti lif;
- ii. membaiki atau mengganti tangki air dan sistem retikulasi;
- iii. membaiki atau mengganti paip sanitari;
- iv. membaiki atau mengganti bumbung;
- v. membaiki atau mengganti tangga dan susur tangan (*handrail*);
- vi. mengecat semula bangunan dan harta bersama;
- vii. pendawaian semula dan kerja elektrik;
- viii. membaiki atau mengganti kemudahan / infrastruktur awam yang melibatkan harta bersama (*common property*);
- ix. mengganti atau membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan; dan
- x. pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan.

Pada tahun 2024, KPKT telah menerima peruntukan sebanyak **RM100.4 juta** iaitu masing-masing sebanyak **RM50 juta bagi PPP dan RM50.4 juta bagi TPPM**. Peruntukan ini diagihkan kepada agensi pelaksana di seluruh negara berdasarkan kos siling negeri yang telah ditetapkan. Agensi pelaksana yang melaksanakan PPP dan TPPM adalah terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Lembaga Perumahan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

KPKT komited memastikan perkhidmatan dan bantuan oleh Kementerian dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh setiap rakyat tanpa meminggirkan mana-mana kawasan. Aspirasi ini didukung selaras dengan konsep keterangkuman di bawah Kerangka Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA)
[LUMUT]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA)
[LUMUT]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah penarikan kapal-kapal TLDM dari status aktif operasi untuk menjalani program senggaraan pasang pulih (*refit*) bakal memberikan kesan yang buruk terhadap aspek kesiagaan TLDM, tatkala sedang berlaku insiden pencerobohan maritim di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif milik Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sentiasa komited dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi untuk mempertahankan kedaulatan negara dan memastikan kesiagaan aset berada pada tahap yang optimum dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman keselamatan di perairan negara terutamanya di Laut China Selatan.
2. Memandangkan pertahanan kita bersifat *complimentary* atau saling melengkapi antara satu sama lain, pihak TLDM turut bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam mengadakan rondaan dan pengawasan dengan memperagakan kehadiran (*show of presence*) di Laut China Selatan.
3. Pada masa yang sama, TLDM turut memastikan kesedaran domain maritim atau *Maritime Domain Awareness* (MDA) sentiasa berada pada tahap tertinggi serta kedaulatan Zon Maritim Malaysia (ZMM) sentiasa terpelihara.
4. Dalam hal ini, penarikan kapal-kapal TLDM dari status aktif operasi untuk menjalani program *refit* tidak memberi kesan buruk terhadap sebarang kesiagaan operasi. Pihak TLDM merancang program *refit* dengan teratur bagi memastikan kesiagaan operasi sentiasa berada di tahap optimum. Bilangan kapal di sesuatu skuadron telah dijadualkan untuk menjalani program *refit* secara bergilir, kecuali jika berlaku sebarang kecemasan luar jangka.
5. Oleh itu, kapal-kapal yang tidak menjalani *refit* boleh ditugaskan secara bergilir bersama aset APMM yang lain untuk mendepani sebarang insiden pencerobohan maritim di Kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan untuk menaik taraf *culvert-culvert* Jalan Persekutuan di seluruh Pulau Pinang bagi memastikan aliran parit/saliran/sungai dapat mengalir dengan lancar ke laut sebagai mengurangkan kejadian banjir kilat. Jika tidak, huraikan sebab serta pendekatan yang bakal diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kerja Raya sentiasa komited bagi memastikan isu / masalah banjir yang berlaku kebelakangan ini dapat diatasi serta membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan keadaan Jalan Persekutuan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk pengguna jalanraya.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di Jalan Persekutuan, Kementerian ini telah mengambil tindakan segera apabila berlaku kejadian banjir kilat iaitu dengan melaksanakan kerja pembersihan jalan, menyediakan pelan pengurusan trafik atau *Traffic Management Plan* (TMP) dan menyediakan laluan sementara bagi membolehkan jalan dilalui oleh kenderaan.

Selain itu bagi kerja-kerja penyenggaraan longkang / sistem saliran sedia ada, pihak syarikat konsesi yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan rutin iaitu skop mencuci jambatan dan pembedung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin yang dilaksanakan secara berkala iaitu dua pusingan kerja setahun (2 kali / tahun).

Untuk perancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir, senarai lokasi permohonan pembaikan akan disediakan melalui *Notice Of Defect* (NOD) yang dikeluarkan oleh syarikat konsesi, hasil aduan yang diterima pengguna jalanraya, data rekod penyenggaraan dan sebagainya.

Sehingga Oktober 2024, Kementerian ini telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM1,550,000.00** melalui enam (6) Arahan Kerja (AK) bagi membaiki dan menaik taraf longkang di Jalan-jalan Persekutuan Negeri Pulau Pinang. Kesemua kerja-kerja ini telah siap dilaksanakan di tapak.

Bagi perancangan kerja tahun 2025, Kementerian ini telah mengenal pasti lokasi yang kerap berlaku banjir kilat yang melibatkan 29 cadangan menaik taraf longkang dan *scupper drain* di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan anggaran kos berjumlah **RM9,754,070.00**. Permohonan kerja-

kerja ini akan dilaksanakan di bawah bagi Program Penyelenggaraan Berkala Bukan Pavemen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan kerja ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan raya dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah yang sedang atau telah diambil untuk mempercepat projek menaik taraf jalan FT003 dari Pasir Puteh ke Tok Bali yang tertangguh melibatkan kos RM300 juta bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Wilayah Timur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan dari Pasir Puteh ke Tok Bali yang dimaksudkan adalah Jalan Pasir Puteh – Tok Bali FT482.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dibangkitkan di Jalan Pasir Puteh – Tok Bali FT487 ialah Projek Kerja-Kerja Menaik Taraf Jalan Pasir Puteh – Tok Bali (FT482) yang diluluskan di bawah Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) pada Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia Ke-12(RMKe-12). Status semasa projek ini adalah di peringkat pengambilan tanah dan dijangka dimuktamadkan pada akhir tahun 2024. Untuk perincian projek yang lebih terperinci, Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada Kementerian Ekonomi selaku Kementerian Pengawal kepada Pihak Berkuasa Koridor (PBK)

Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memandang serius berhubung isu keselamatan dan keselasaan pengguna jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Laluan Persekutuan FT482 Jalan Pasir Puteh – Tok Bali di Jajahan Pasir Puteh** adalah sepanjang **12.50 km** dan merupakan Jalan Persekutuan yang disenggara oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan.

Berdasarkan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) Tahun 2024 **Kementerian ini telah mengenal pasti dan merancang 2 bilangan kerja penyenggaraan berkala bukan pavemen bernilai RM45 ribu, 1 bilangan penyenggaraan kecil jambatan dan pemetang bernilai RM10 ribu dan 2 bilangan kerja penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat yang bernilai RM300 ribu** bagi sepanjang jaringan Jalan Persekutuan tersebut.

Sehingga Oktober 2024, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak **RM410 ribu** di bawah program penyenggaraan berkala bukan

pavemen, peruntukan khas jurutera daerah dan penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat yang dilaksanakan oleh JKR secara Arahan Kerja (AK) kepada konsesi dan perolehan secara jabatan. Kerja-kerja penyenggaraan tersebut 1 bilangan kerja penyenggaraan berkala bukan pavemen, 2 bilangan kerja Program Peruntukan Khas Jurutera Daerah dan 2 bilangan kerja penyenggaraan lampu jalan serta lampu isyarat dan semua kerja di jangka siap pada hujung bulan Oktober 2024.

Di samping itu, bagi pelaksanaan kerja tahun 2025, jalan-jalan yang rosak akan dikenal pasti oleh pihak syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilantik dan pihak JKR akan menyediakan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) bagi Tahun 2025 berdasarkan kerosakan jalan. Walau bagaimanapun, kelulusan kerja tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan Jalan Persekutuan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah terdapat rancangan untuk membaik pulih atau membina baru jeti untuk kegunaan bot-bot nelayan di Kampung Beladin berikutan keadaan jeti ini yang uzur dan sesak kerana kawasan ini merupakan antara kawasan perikanan utama di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa prihatin dan berusaha untuk memajukan sektor agromakanan melalui pelbagai inisiatif reformasi dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak yang berkepentingan. KPKM melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) komited dalam membantu golongan nelayan dengan menyediakan kemudahan pendaratan, pengendalian, penyimpanan dan pemasaran ikan.

LKIM telah pun menyediakan fasiliti pendaratan ikan di Kompleks Perikanan LKIM Beladin yang terletak di Lot 754, Blok 15, Sablor Land District, Beladin, Sarawak yang lengkap dibina jeti pendaratan, dewan pemasaran, bangunan pejabat dan lain-lain kemudahan berkaitan. Kompleks ini telah mula beroperasi secara berfasa sejak akhir tahun 2023. Selain itu, pada tahun 2023, LKIM juga telah siap membina sebuah jeti di Kampung Maludam, Pusa yang terletak kira-kira dua puluh lima (25) kilometer dari Kampung Beladin.

Penilaian terhadap fasiliti pendaratan ikan sedia ada dijalankan oleh LKIM dari semasa ke semasa bagi memastikan nelayan di Sarawak terus menikmati kemudahan jeti yang kondusif. Sekiranya terdapat keperluan, pembinaan dan baik pulih jeti nelayan akan dimohon dalam RMK13 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN
[BACHOK]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan secara terperinci apakah langkah untuk memastikan kesinambungan antara Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dengan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) yang diperkenalkan oleh Kerajaan sebelum ini dalam mencorakkan hala tuju pembangunan ekonomi Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah merangka pelbagai dasar pembangunan negara dalam usaha memperkasa agenda Bumiputera. Walaupun pelbagai dasar dan pelan pemerikasaan Bumiputera terdahulu telah sebahagiannya membuahkan hasil, namun masih banyak usaha perlu dilaksanakan untuk menangani pelbagai isu dan cabaran sama ada pada peringkat global, serantau atau nasional.

2. Agenda pembangunan Bumiputera sepanjang enam dekad yang lalu banyak memberi tumpuan terhadap aspek pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat; menangani kesenjangan pendapatan; pemilikan ekuiti dan hartanah serta peningkatan daya saing perusahaan Bumiputera. Namun, masih terdapat pelbagai isu struktur seperti jurang pendapatan dan kekayaan antara etnik yang semakin melebar; status sosioekonomi Bumiputera yang masih terperangkap dalam kelas menengah dan sederhana; dan penyertaan Bumiputera yang tertumpu dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang rendah.

3. Sehubungan itu, Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2024 telah menzahirkan komitmen berterusan Kerajaan dalam mengangkat darjat dan martabat Bumiputera agar sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI yang akan membolehkan rakyat Malaysia menikmati kehidupan lebih berkualiti.

4. PuTERA35 bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. PuTERA35 memberi penekanan terhadap tiga teras utama, iaitu Memperkukuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi dan Menegakkan Keadilan Sosial. Teras ini disokong oleh 12 pemacu dan 132 ikhtiar dalam isu dan cabaran Bumiputera.

5. Penyediaan penghasilan dokumen PuTERA35 turut meneliti semula dasar pembangunan negara dan agenda pembangunan Bumiputera bagi memastikan kesinambungan agenda pemerkasaan Bumiputera, termasuk Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030). Selain itu, PuTERA35 turut mengambil kira input dan pandangan daripada pelbagai pemegang taruh melalui Kongres Ekonomi Bumiputera 2024, sesi libat urus dan pandangan orang awam.

6. Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan dan pemantauan PuTERA35. MEB berperanan bagi menetapkan hala tuju dasar pembangunan sosioekonomi Bumiputera dan perancangan merentasi kementerian dan agensi untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang. MEB juga berperanan dalam menilai pencapaian dan keberkesanan dasar serta strategi berkaitan Bumiputera, termasuk bagi memastikan kesinambungan dasar, di samping membuat keputusan berkaitan penambahbaikan yang diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasional penjenamaan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Residensi Rakyat (PRR) dan nyatakan juga pembaharuan dan penambahbaikan yang dilaksanakan menerusi penjenamaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan konsep MADANI yang menekankan prinsip 'Tiada yang Tertinggal' atau *Leave No One Behind*, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa fokus dan komited memastikan pembangunan yang mampan dan seimbang dapat dicapai di semua negeri di Malaysia dalam semua bidang fokus di bawah Kementerian ini.

Justeru, sebagai satu lagi usaha Kerajaan MADANI bagi meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat, Kerajaan telah menjenamakan semula projek Program Perumahan Rakyat (PPR). Antara strategi untuk penjenamaan ini adalah melalui **pengenalan rangka model baharu perumahan awam** yang dinamakan **Program Residensi Rakyat (PRR)**.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, usaha **penjenamaan semula PPR kepada PRR ini adalah bertujuan** untuk:

- i. memastikan golongan berpendapatan rendah (B40) menikmati **kemudahan perumahan yang setara dan setanding** dengan yang dinikmati oleh golongan berpendapatan sederhana dan tinggi di perumahan yang diduduki;
- ii. menangkis persepsi dan tanggapan masyarakat bahawa golongan yang tinggal di perumahan awam khususnya PPR **tidak layak menikmati kemudahan dan kualiti hidup yang baik**; dan
- iii. menepis imej perumahan awam yang selalu dikaitkan dengan **kehidupan dan kemudahan yang kurang berkualiti dan tidak kondusif**.

Selaras dengan kerangka enam (6) nilai teras MADANI, nama baharu “**Program Residensi Rakyat**” turut menggambarkan aspirasi dan fokus Kerajaan ke atas **konsep kediaman dengan penambahbaikan spesifikasi dan ciri daya huni, bersepadu, berkualiti komersial dan mampan**. Pembangunan PRR ini juga akan **menekankan aspek kesalinghubungan** menerusi **Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)**. Penambahbaikan yang dilaksanakan adalah meliputi **enam (6) elemen**:

i. Penambahbaikan umum

Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah pemasangan sistem panel solar, lampu solar serta pemasangan lantai yang bersesuaian untuk pelbagai aktiviti di Dewan Komuniti.

ii. Penambahbaikan kawasan PRR

Ia melibatkan penyediaan ruang rekreasi luar yang lebih mesra pengguna, akses kemudahan masuk yang lebih teratur dan terancang serta kawalan akses menggunakan kad di pintu masuk (*boom gate*) dan akses lif.

iii. Penambahbaikan blok PRR

Antara penambahbaikan melibatkan penyediaan ruang pembelajaran, ruang komuniti, ruang *waste-to-cash* dan tambahan kamera litar tertutup (CCTV) di ruang lobi.

iv. Penambahbaikan reka bentuk unit rumah PRR

Rekabentuk ditambahbaik melibatkan penambahan ruang penyimpanan barang, reka bentuk yang mengoptimumkan pengudaraan yang baik, penambahan susun atur atau saiz bagi ruang makan dan dapur, ruangan bukaan atau tingkap di ruang tamu yang lebih besar serta reka bentuk rumah yang lebih mesra Orang Kurang Upaya (OKU).

v. Penambahbaikan spesifikasi unit rumah PRR

Antara penambahbaikan meliputi penambahbaikan kemasan dalaman, spesifikasi tandas serta spesifikasi pintu bagi rumah teres dan kluster.

vi. Penambahbaikan lain-lain

Cadangan penambahbaikan meliputi penambahbaikan kualiti *sanitary fittings* dan *electrical fittings*, penambahan ruang *decompose*, menyusunatur pelan bangunan seperti orientasi dan kedudukan blok mengikut kesesuaian serta penambahan unit gerai dan kedai.

Selain itu, pembangunan PRR ini juga akan menggunakan **Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC)** untuk memastikan kualiti kerja pembinaan mematuhi piawaian yang ditetapkan serta memiliki **ciri-ciri kelestarian dan kecekapan alam** bagi tujuan penarafan **Green Building Index (GBI)**.

Usaha penambahbaikan ini membuktikan komitmen Kerajaan MADANI bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada perumahan yang mampu dimiliki tanpa membelakangkan aspek kualiti rumah yang disediakan untuk kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bidang kuasa penyelenggaraan jejambat yang tidak diselenggarakan oleh mana-mana pihak berkuasa seperti jejambat Bulatan Saujana Putra dan jejambat merentasi SKVE dari Bandar Rimbayu ke Seri Cheding.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya merupakan sebuah organisasi utama yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek infrastruktur negara. Fungsi-fungsi Kementerian Kerja Raya dan agensinya secara umum dinyatakan dalam **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan** yang dibuat di bawah **Akta Fungsi Menteri 1969**. Oleh yang demikian, **kementerian ini** telah dipertanggungjawabkan ke atas penyenggaraan setiap aset yang berada di **Jalan-Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia** dengan menggunakan peruntukan penyenggaraan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada Jalan Persekutuan milik kementerian ini, agensi-agensi lain juga dipertanggungjawabkan ke atas penyenggaraan jalan seperti Jalan Negeri ialah JKR Negeri/Daerah dan Jalan Bandaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sehubungan dengan itu, bidang kuasa penyenggaraan jalan raya perlulah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta-Akta yang telah diluluskan di Parlimen dan pekeliling-pekeliling berkaitan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, setiap cadangan pembangunan melibatkan rezab lebuhraya atau dikenali sebagai Pembangunan Tepi Lebuhraya (PTL) akan diteliti dari aspek teknikal sebelum kelulusan diberikan oleh YB Menteri Kerja Raya termasuklah sebarang cadangan penyambungan lebuhraya dengan jalan – jalan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Jalan yang lain.

Bagi setiap permohonan yang diterima, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan mensyaratkan agar mana – mana aset yang dibina oleh pihak pemaju diserahkan kepada Pihak Berkuasa ke atas jalan yang berkaitan bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan. Bagi aset yang dibina di dalam rezab lebuhraya, aset tersebut perlu diserahkan kepada syarikat konsesi dan pemaju akan dipertanggungjawabkan ke atas kos operasi dan penyelenggaraan aset yang terlibat.

1. Jejambat Bulatan Saujana Putra

Kelulusan pembinaan jejambat **Bulatan Saujana Putra** yang menghubungkan Lebuhraya ELITE dan SKVE yang bertarikh 11 Mei 2002 telah diberikan kepada Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) selaku pemaju yang terlibat dimana PNSB juga telah disyaratkan untuk menanggung kos operasi dan penyelenggaraan bagi jejambat yang berkaitan. Pembinaan jejambat ini telah disiapkan dan dibuka kepada trafik pada 7 Julai 2024 dan masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) oleh pemaju.

Kerajaan Negeri telah bersetuju bahawa penyelenggaraan jejambat penghubung antara Lebuhraya ELITE dan SKVE dikongsi bersama oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), SKVE dan PLUS menggunakan peruntukan masing-masing mengikut skop sempadan penyelenggaraan yang telah dicadangkan dan dipersetujui bersama.

2. Jejambat Merentasi SKVE Dari Bandar Rimbau ke Seri Cheding

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop kerja penyelenggaraan jejambat yang merentasi Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) dari Bandar Rimbau ke Seri Cheeding sebagai mana yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Penyelaras Penyerahan Laluan *Road Over Bridge* (ROB) Merentasi Lebuhraya SKVE bagi Daerah Kuala Langat pada 5 November 2019 yang turut dihadiri oleh Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Langat, JKR Daerah Kuala Langat dan SKVE Holdings Sdn Bhd adalah seperti berikut:

1. Struktur jejambat berkenaan akan diselenggara oleh pemegang konsesi Lebuh Raya SKVE
2. Permukaan jalan dan perabot jalan jejambat tersebut diselenggara oleh JKR Daerah Kuala Langat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya dan LLM sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN
[RANAU]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan pembinaan jambatan kekal yang menyeberangi Sungai Ulu Sugut di Kg Gusi, Ranau ke kawasan Beluran sangat penting untuk dibina bagi tujuan memendekkan perjalanan dan meningkatkan ekonomi penduduk. Adakah pihak Kementerian boleh mempertimbangkan untuk pembinaan jambatan kekal ini pada tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan projek-projek pembangunan termasuklah Projek Jambatan Luar Bandar (JMLB) di bawah Kementerian ini dimohon melalui jendela *Rolling Plan* bagi setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan jambatan kekal yang menyeberangi Sungai Ulu Sugut di Kg Gusi, Ranau ke kawasan Beluran tidak termasuk dalam Senarai Keutamaan Negeri bagi *Rolling Plan* Kelima, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Tahun 2025 yang telah dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah kepada Kementerian ini.

Justeru itu, sekiranya terdapat keperluan mendesak bagi pembinaan jambatan kekal yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kerjasama Yang Berhormat adalah dipohon bagi mengemukakan permohonan tersebut kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah untuk dimasukkan ke dalam Senarai Keutamaan Negeri sebelum diangkat kepada Kementerian Ekonomi bagi kelulusan di bawah *Rolling Plan* berikutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status semasa bagi projek penambahbaikan jalan dan lampu jalan di Parlimen Padang Rengas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui semakan Kementerian ini, terdapat 3 laluan persekutuan di Parlimen Padang Rengas iaitu di FT001 Jalan Ipoh – Butterworth di Seksyen 640.2 – 661.0, FT076 Jalan Kuala Kangsar – Gerik di Seksyen 0 – 24.43 dan FT3147 Jalan Perindustrian Kuala Kangsar di Seksyen 0 – 1.6 iaitu merangkumi panjang jalan **sepanjang 43.93 km yang disenggara oleh syarikat konsesi**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan bagi **kerja-kerja penyenggaraan** di Jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Parlimen Padang Rengas adalah berjumlah **RM 3.5 juta** untuk tahun 2022 dan **RM 1.5 juta** untuk tahun 2023.

Kementerian ini memahami isu yang dibangkitkan iaitu status semasa projek penyenggaraan jalan dan lampu jalan di laluan Persekutuan Parlimen Padang Rengas iaitu sepanjang **43.93km**.

Sehingga Oktober 2024, Kementerian ini telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM6.26 juta** di Jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Parlimen Padang Rengas. Kelulusan kerja-kerja ini merangkumi **RM 1.08 juta bagi kerja-kerja Penyenggaraan Rutin, RM 4.5 juta bagi Program Penyenggaraan Berkala Pavemen, RM 0.58 juta bagi Program Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen dan RM0.1 juta bagi Program Penyenggaraan Lampu Jalan.**

Bagi kerja-kerja Penyenggaraan Berkala Pavemen dan Bukan Pavemen, sebanyak **sepuluh (10) Arahan Kerja (AK)** telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, 3 AK telah siap sepenuhnya manakala baki kerja iaitu 7 AK sedang dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan Oktober 2024.

Bagi kerja-kerja Penyenggaraan Lampu Jalan, sebanyak **satu (1) kerja** telah dikeluarkan yang melibatkan kerja pemasangan lampu jalan

jenis solar di laluan Persekutuan FT076 di seksyen 0.2 hingga seksyen 3.2. Kerja ini telah siap dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN
[KAMPAR]
TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mencungkil bakat baru dalam sukan dan jumlah peruntukan yang dilaburkan ke dalam setiap sukan pada tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan negara tidak ketandusan atlet-atlet yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa maka pelaksanaan program latihan atlet pelapis kebangsaan akan diperkemas dan diperkukuhkan dengan penambahan lebih ramai jurulatih yang berkelayakan serta memberi lebih banyak pendedahan latihan dan pertandingan di luar negara. Setakat ini seramai 248 atlet dari 15 jenis sukan dan 17 disiplin telah menjalani latihan secara sepenuh masa di bawah program Pelapis Kebangsaan dan dikendalikan oleh seramai 31 orang jurulatih. Jumlah ini dijangka akan ditambah selaras dengan persediaan negara menghadapi Temasya Sukan SEA 2027 nanti.

Kejayaan pemain remaja badminton negara memenangi 1 pingat emas dan 1 pingat perak di Kejohanan Remaja Dunia memberi gambaran negara tidak ketandusan pemain-pemain yang berpotensi besar. Selain itu atlet dari sukan terjun telah memenangi 5 pingat emas, 5 pingat perak dan 4 pingat gangsa di Kejohanan 11th Asian Age Group Championship di Manila, Filipina. Manakala penembak remaja wanita negara iaitu Gan Chan Jie (20 tahun) telah berjaya memenangi pingat perak dalam kejohanan peringkat senior di Kejohanan Asia Championship Rifle/ Pistol, Jakarta Indonesia dalam acara 50m Prone Wanita. Kejayaan atlet-atlet muda ini sangat membanggakan dan pihak kementerian yakin negara berada di landasan yang betul untuk cemerlang di temasya-temasya sukan akan datang.

Di peringkat negeri pula, pihak MSN sedang melaksanakan program pembangunan Bakat dan Pelapis Negeri dengan kerjasama pemegang-pemegang taruh utama seperti PSK, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Sukan Negeri-Negeri secara berterusan. Sehingga kini, seramai 5,239 atlet sedang menjalani latihan di bawah kendalian 257 jurulatih di 278 Pusat Latihan Daerah (PLD) di bawah Program Bakat telah ditubuhkan di seluruh Malaysia.

Di bawah Program Pelapis Negeri tumpuan diberikan kepada pelaksanaan program latihan melibatkan 17 jenis sukan di 269 Pusat Latihan Negeri (PLN) yang memberi peluang latihan kepada seramai 4,112 atlet di bawah bimbingan 282 jurulatih.

Program latihan yang berstruktur dan bersistematik untuk tempoh jangka panjang ini akan dapat membantu dalam melahirkan lebih ramai atlet-atlet pelapis negara yang berdaya saing khususnya persiapan ke arah Sukan Malaysia (SUKMA) dan kejohanan peringkat Kebangsaan. Seramai 938 atlet Program Pelapis Negeri dan 355 atlet Program Bakat telah menyertai SUKMA Sarawak 2024 dan berjaya memenangi sebanyak 118 pingat emas, 114 pingat perak dan 120 pingat gangsa.

Pihak MSN juga telah menganjurkan pelbagai kejohanan seperti Karnival Bakat, Kejohanan Peringkat Zon, Kejohanan Bakat dan penganjuran Kem Bakat Kebangsaan, Klinik Sukan untuk atlet di peringkat Bakat dan Pelapis Negeri.

Disamping itu pihak KBS melalui MSN juga sedang melaksanakan beberapa program pembangunan untuk sukan-sukan khusus seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) di mana seramai 16,342 pelatih menjalani latihan di bawah bimbingan 756 jurulatih di 158 pusat latihan.

Selain dari bola sepak, pihak MSN juga telah melaksanakan Program Pembangunan Ragbi Negara (PPRN) melibatkan seramai 3,710 pemain menjalani latihan di bawah bimbingan 126 jurulatih di 57 pusat latihan;

Manakala Program Pembangunan Hoki Negara (PPHN) pula sedang melatih seramai 3,514 pemain yang di bawah bimbingan 220 jurulatih di 112 pusat latihan.

Program Pembangunan Bola Jaring Negara (PPJN) memberikan tumpuan khusus bagi pembangunan wanita yang berumur antara 13 hingga 21 tahun. Sehingga kini, seramai 1,437 pelatih yang sedang giat menjalani latihan di bawah kendalian 116 jurulatih di 58 pusat latihan.

Sebanyak RM55 juta telah diperuntukan untuk program-program tersebut dengan perincian seperti berikut:

- a) Program Pelapis Kebangsaan sebanyak RM3.5 juta
- b) Program Bakat sebanyak RM10 juta
- c) Program Pelapis Negeri sebanyak RM10 juta
- d) Program Khas sebanyak RM31.5 juta dengan perincian seperti berikut:
 - i. PPBN : RM25 juta;
 - ii. PPHN : RM2.5 juta;
 - iii. PPRN : RM3 juta; dan
 - iv. PPJN : RM1 juta

Kementerian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan turut melaksanakan Program Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat atau Malaysia *Talent Identification and Development* (MYTID) secara *proof of concept* sehingga tahun 2025 bagi mengesan dan mengenal pasti bakat berpotensi di peringkat sekolah rendah bagi kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun.

Program ini menggunakan kaedah pendekatan saintifik terkini dan lebih menjurus kepada elemen pengesanan (*detection*) bakat sukan berpotensi yang boleh disyorkan untuk menceburi sukan spesifik berdasarkan kecenderungan, kematangan, keupayaan motor dan kecergasan fizikal.

Pada masa ini skop program MyTID melibatkan anggaran 30 ribu murid sekolah rendah tahun satu hingga enam dari 100 sekolah merangkumi 51 sekolah bandar dan 49 sekolah luar bandar iaitu 50 sekolah dari Semenanjung Malaysia, 26 sekolah dari Wilayah Sarawak serta 24 sekolah dari Wilayah Sabah termasuk dua sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan dan pemilihan sekolah-sekolah terlibat dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.

NO SOALAN : 29

Selain itu, Kementerian ini melalui Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Renang Amatir Malaysia telah melaksanakan program pengenalpastian bakat baharu sukan terjun (*Talent ID Diving*) di seluruh Malaysia.

Program ini diadakan sepanjang bulan April hingga Jun 2024 dan melibatkan seramai 413 murid. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 36 murid berjaya terpilih untuk mengikuti kem akhir program ini yang diadakan dari 9 hingga 13 Julai 2024 di bawah kendalian Majlis Sukan Negara. Seramai 10 orang penerjun muda telah terpilih untuk ditawarkan latihan secara sepenuh masa di bawah program Pelapis Kebangsaan bermula pada bulan disember 2024 nanti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan inisiatif memperkenalkan kursus-kursus TVET berkaitan teknologi pemerangkapan, penggunaan, dan penyimpanan karbon (CCUS) di institut-institut pengajian MARA di Terengganu bagi memanfaatkan potensi yang dimiliki negeri ini untuk menerajui industri berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Terengganu memiliki potensi besar dalam sektor tenaga, terutamanya minyak dan gas, yang lazimnya dikaitkan dengan pelepasan karbon yang tinggi. Teknologi Pemerangkapan, Penggunaan, dan Penyimpanan Karbon (CCUS) adalah salah satu teknologi utama dalam usaha global mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO₂) ke atmosfera, sekali gus membantu menangani perubahan iklim. Penerapan teknologi ini di institusi-institusi pengajian MARA di Terengganu, khususnya di bawah TVET MARA, merupakan langkah strategik yang mampu membawa manfaat besar kepada negeri ini.

Program Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam di GIATMARA Dungun adalah program yang berpotensi diketengahkan dan berupaya melahirkan bakat muda dengan kemahiran tinggi dalam industri tenaga. **Program ini dilaksanakan selama 6 bulan di GIATMARA dan 3 bulan di industri, memberi pelajar pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyumbang kepada masa depan industri tenaga yang lebih bersih dan mampan.** Selain itu, GIATMARA Hulu Terengganu dan GIATMARA Kemaman turut menawarkan program dalam bidang yang sama.

Tambahan itu, kursus-kursus yang berkaitan teknologi pemerangkapan, penggunaan, dan penyimpanan karbon (CCUS) turut **dilaksanakan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Kemaman, Terengganu.** KKTM Kemaman **menawarkan enam (6) program** berkaitan dengan Minyak dan Gas iaitu;

1. Diploma Teknologi Kejuruteraan Loji (Perpaipan)
2. Diploma Teknologi Kejuruteraan Loji (Mekanikal)
3. Diploma Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Operasi Loji)
4. Diploma Teknologi Kejuruteraan Loji (Struktur Luar Pesisir)
5. Diploma Teknologi Kejuruteraan Loji (Instrumentasi dan Kawalan)
6. Diploma Teknologi Kejuruteraan Petroleum (Operasi Pesisir)

NO SOALAN : 30

Untuk makluman, kurikulum latihan kemahiran KKTM Kemaman telah pun diterapkan dengan pengetahuan asas teknologi pemerangkapan karbon dalam pengajaran dan pembelajaran pada beberapa program di KKTM Kemaman.

Walau bagaimapapun, penambahan kandungan topik secara khusus hanya akan dilaksanakan melalui kitaran pemurnian kurikulum akan datang berdasarkan keperluan dan maklum balas oleh pihak industri dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI
BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG
KARANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah alatan dan kelengkapan perubatan yang melebihi umur 10 tahun kepenggunaan dan apa tindakan bagi mengganti alatan tersebut termasuk ambulans serta kenderaan jabatan yang telah berusia dan dikhuatiri berbahaya kepada pengguna atau pesakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM sentiasa memberikan perhatian terhadap keperluan penggantian peralatan yang telah *Beyond Economy Repair* (BER) dan komited untuk memastikan kesemua peralatan adalah dalam keadaan yang terbaik dan dengan izin *well-maintained*.

2. Sehingga kini, terdapat sebanyak 102,646 bilangan peralatan perubatan yang berusia melebihi 10 tahun yang masih aktif. KKM sentiasa memastikan peralatan ini boleh digunakan dengan baik dan optimum serta diselenggara mengikut ketetapan pengilang dan piawaian melalui program penyelenggaraan komprehensif bagi memastikan peralatan perubatan selamat digunakan.

3. KKM telah mengambil pelbagai inisiatif dalam usaha mengoptimumkan peruntukan yang tersedia terkait memastikan peralatan KKM dalam keadaan yang baik. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:

- (i) melaksanakan perolehan peralatan secara sewaan agar peralatan yang dibekalkan sentiasa dalam keadaan baik, mengikut perkembangan teknologi semasa serta diselenggara secara optimum mengikut standard yang ditetapkan;
- (ii) melaksanakan perolehan secara pusat untuk menambah kuasa beli KKM dan memastikan perolehan tersebut mendatangkan *value for money* tanpa berkompromi terhadap kualiti peralatan perubatan yang diperolehi. Disamping itu, KKM juga dapat menyelaraskan spesifikasi peralatan mengikut keperluan setiap perkhidmatan untuk mengelakkan pembaziran;
- (iii) memperkenalkan konsep tender secara *reagent rental* bagi membolehkan mesin-mesin analyser dapat dibekalkan ke semua hospital tanpa memerlukan peruntukan *one-off* yang besar;

- (iv) memperkenalkan rekod permohonan secara online melalui *Medical Program Information System* (MPIS) agar semua keperluan peralatan dapat direkodkan dengan efisien dan mudah. Sistem ini membolehkan data dikemas kini setiap masa dan dapat diteliti dengan lebih lanjut bagi menetapkan keutamaan sesuatu permohonan bagi melaksanakan perolehan penggantian secara bersasar;
- (v) mempelbagaikan penggunaan sumber peruntukan yang diterima seperti Peruntukan Akaun Amanah, Peruntukan Rancangan Malaysia, Peruntukan Belanja Mengurus dan lain-lain;
- (vi) menerapkan konsep *evidence-based* dalam perolehan peralatan perubatan. Kesemua peralatan yang diperolehi dinilai secara kajian untuk memastikan peralatan perubatan yang diperolehi adalah benar-benar bermanfaat;
- (vii) memantau secara berkala pelaksanaan perolehan peralatan agar perbelanjaan dapat dilaksanakan dengan lancar dan mengikut perancangan selain dapat mengurangkan *revot* yang akan mengganggu perancangan penggantian peralatan yang telah ditetapkan; dan
- (viii) KKM juga dari semasa ke semasa akan berinteraksi dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam usaha merangka pelan dan perancangan strategik dalam mengatasi masalah ini.

4. Berkenaan isu penggantian ambulans, pada masa ini, KKM sedang melaksanakan perolehan Fasa 1 melibatkan 590 unit kenderaan ambulans dan 41 unit *Patient Transport Service Vehicle* (PTSV) dengan kos keseluruhan sebanyak RM 265.5 juta. Di samping itu, KKM juga telah diberikan kelulusan peruntukan sebanyak RM 304 juta di bawah perolehan Fasa 2 kenderaan ambulans.

5. Manakala bagi kenderaan lain, sehingga November 2024, KKM telah menerima permohonan penggantian kenderaan bagi hospital-hospital dan institusi khas KKM sebanyak 75 unit dengan nilai RM 11.6

juta. Permohonan ini adalah untuk menggantikan kenderaan yang telah uzur, *Beyond Economic Repair* dan perlu dilupuskan.

6. KKM akan sentiasa berusaha menambah baik kualiti perkhidmatan khususnya melibatkan penggantian peralatan perubatan serta sentiasa memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan pesakit secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah pegangan ekuiti Melayu dan Bumiputera yang terkini dan apakah perancangan Kerajaan dalam menjamin peningkatan kepada pegangan ekuiti Melayu dan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1 Untuk makluman Yang Berhormat, pemilikan ekuiti sektor korporat merupakan antara petunjuk yang digunakan oleh Kerajaan bagi mengukur kedudukan dan pencapaian kumpulan etnik utama dalam ekonomi.

2. Seperti yang telah dinyatakan di dalam dokumen Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), pemilikan ekuiti sektor korporat pada tahun 2020 berasaskan nilai pasaran adalah seperti berikut:

- pegangan Bumiputera 18.4 peratus;
- pegangan bukan Bumiputera 29.5 peratus;
- pegangan asing 36.9 peratus; dan
- nomini 15.3 peratus.

3. Kementerian Ekonomi sedang memuktamadkan pengiraan ekuiti sektor korporat tahun 2021 dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4. Kerajaan akan terus memberikan tumpuan terhadap usaha bagi meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera. Oleh itu, YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2024 telah melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. PuTERA35 memberi penekanan terhadap tiga teras utama, iaitu Memperkukuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi dan Menegakkan Keadilan Sosial. Teras ini disokong oleh 12 pemacu dalam isu dan cabaran Bumiputera

5. Di bawah Pemacu 5: Peningkatan Pemilikan Ekuiti, Kerajaan telah menggariskan lapan (8) ikhtiar dalam usaha memperluaskan pegangan ekuiti dan penguasaan yang efektif, terutama melibatkan pegangan saham atau ekuiti Bumiputera. Antara ikhtiar ini termasuklah memperkukuhkan institusi pembiayaan ekuiti, pasaran modal dan dana amanah rakyat; memperkenalkan dana pemangkin (*catalyst fund*) bagi meningkatkan prestasi syarikat korporat di Malaysia dan menambah baik pelaksanaan Akta Syarikat 2016 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 berkaitan pemunya benefisial (*beneficial ownership*) termasuk aspek penguatkuasaan. Selain itu, Kerajaan akan turut memberikan tumpuan terhadap usaha untuk meningkatkan penyertaan lebih banyak syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia serta memantau pelupusan pemilikan oleh syarikat Bumiputera terutama di bawah agensi mandat Bumiputera.

6. Kerajaan juga akan turut memberi tumpuan terhadap usaha meningkatkan pegangan saham atau ekuiti individu dalam kalangan Bumiputera. Dalam hal ini, Kerajaan akan meningkatkan program kesedaran pemilikan dan penjanaaan kekayaan kepada orang awam dan pemegang taruh dalam usaha meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera.

7. Langkah strategik dalam meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera melalui PuTERA35 ini turut melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat swasta. Oleh itu, Kerajaan berusaha memperluas pegangan ekuiti dengan penguasaan efektif dalam GLC dan GLIC. Dalam hal ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran baharu di bawah PuTERA35 iaitu peningkatan penyertaan dan penguasaan Bumiputera melalui ekuiti GLC dan GLIC kepada 20 peratus menjelang tahun 2035 berbanding 18.7 peratus pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH]**

TARIKH : **25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) apakah pendirian Kementerian atas permohonan lesen peniagaan untuk pusat siber yang berkaitan dengan pembangunan e-sport; dan
- (b) apakah garis panduan khusus untuk aktiviti melesenkan e-sport.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) cakna dengan kewujudan perniagaan sukan elektronik (*e-sport*) terutama yang beroperasi di pusat siber atau kafe siber dan semakin mendapat tempat dalam kalangan komuniti terutamanya golongan belia. Walau bagaimanapun, perkembangan sukan ini perlu dikawal selaras dengan **Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG)** yang telah dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada tahun 2023, selain mematuhi Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang-undang Kecil di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Enakmen Hiburan di peringkat Negeri dan perundangan-perundangan lain yang berkaitan dan sedang berkuat kuasa.

Buat masa ini, PBT telah mengeluarkan lesen terhadap premis/ bangunan untuk perniagaan *e-sport*, pusat siber dan kafe siber mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) masing-masing yang dibenarkan di bawah Seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Bagi tahun 2021 hingga 2023, PBT telah mengeluarkan sebanyak 1,245 lesen premis pusat siber di seluruh negara seperti berikut :

- i. Tahun 2021 : 748 lesen;
- ii. Tahun 2022 : 320 lesen; dan
- iii. Tahun 2023 : 177 lesen

Menyantuni pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-nation*, KPKT amat menyokong usaha KBS dan menyeru agar pelaksanaan NESDEG dapat dipantau dan dipatuhi sewajarnya. Selain itu, sekiranya suatu garis panduan yang khusus dapat dibangunkan oleh KBS bagi mengawal kandungan permainan *e-sport* yang dapat mengukuhkan tatacara pelesenan sedia ada di peringkat PBT, ianya akan lebih membantu PBT untuk mengawal selia secara teratur lesen-lesen perniagaan *e-sport* yang dikeluarkan.

Usaha melesenkan sukan ini secara menyeluruh dapat merencanakan perkembangan ekosistem *e-sport* sebagai salah satu budaya sukan yang sihat dan selamat untuk komuniti belia, sekaligus dapat menyumbang kepada hasil pendapatan PBT yang terlibat. KPKT juga sentiasa terbuka untuk membantu dari segi penyaluran peruntukan kepada PBT bagi pembangunan fasiliti serta infrastruktur sukan awam milik PBT. Sehubungan itu, PBT boleh mengemukakan permohonan mereka untuk pertimbangan Kementerian ini selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pembinaan Hospital Angkatan Tentera di dalam Kem Terendak, Sungai Udang, Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pembinaan Hospital Angkatan Tentera di dalam Kem Terendak, Sungai Udang, Melaka dilaksanakan melalui kaedah Reka dan Bina (*Design and Build*) secara Tender Terbuka Pra-Kelayakan bagi memastikan kerajaan mendapat nilai yang terbaik (*value for money*) dalam pelaksanaan projek ini dan memastikan kontraktor yang benar-benar berwibawa dan kompeten sahaja yang diperakukan.
2. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan telah selesai melantik kontraktor yang akan melaksanakan projek ini. Pihak kontraktor dijadualkan memasuki tapak pada pertengahan November 2024 dan projek ini akan dilaksanakan selama 217 minggu (4 tahun). Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2029.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelajar secara terperinci yang menyambung pengajian di institusi pengajian di bawah MARA melibatkan peringkat sijil, asasi/ persediaan, diploma, ijazah dan bidang latihan vokasional (TVET) serta kebolehpasaran pelajar selepas tamat pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pelajar yang menyambung pengajian di institusi pengajian di bawah MARA melibatkan peringkat sijil, diploma, ijazah, Sarjana dan PhD untuk Pendidikan tinggi dan Pendidikan TVET bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti di berikut ;

JUMLAH PELAJAR MENGIKUT PERINGKAT

Tahap Pengajian	PENDIDIKAN TINGGI		PENDIDIKAN TVET	
	2023	2024 sehingga Ogos 2024	2023	2024 sehingga Ogos 2024
SIJIL			30,589	28,588
ASASI	2,100	2,234	2,116	2,308
DIPLOMA	23,212	26,402	23,898	26,823
IJAZAH SARJANA	3,403	4,744	20,806	19,285
Master dan PhD	116	369	1,319	1,270
JUMLAH	28,831	33,749	78,728	77004

Manakala **kebolehpasaran graduan dari Pendidikan Tinggi dan Pendidikan TVET** adalah seperti berikut;

	PENDIDIKAN TINGGI	PENDIDIKAN TVET
	2023	2023
Kebolehpasaran	88.3%	96.5%

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan mengapa berlaku kepincangan dalam pengumuman mengenai penghalaan semula DNS sehingga Kerajaan terpaksa *u-turn* dalam hal ini dan adakah pihak SKMM tidak merujuk YB Menteri atau Kabinet sebelum arahan asal dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa komited dalam memastikan persekitaran internet yang selamat kepada pengguna dan masyarakat terutamanya kanak-kanak dan keluarga.

Berdasarkan rekod MCMC dari tahun 2018 sehingga 1 Oktober 2024, selaras dengan permintaan MCMC, penyedia perkhidmatan internet telah melakukan sekatan terhadap 25,120 laman sesawang melibatkan pelbagai kesalahan seperti 9,847 bagi kesalahan judi dalam talian, 7,846 bagi laman lucah dan jelik, 3,476 bagi pelanggaran hak cipta, 563 bagi pelacuran, 544 bagi penipuan atau pelaburan yang menyalahi undang-undang dan 2,844 bagi lain-lain laman sesawang memudaratkan dan membahaya.

Tindakan sekatan terhadap laman sesawang tersebut diambil bagi melindungi pengguna dan seterusnya menyediakan persekitaran internet yang selamat kepada masyarakat. Kaedah sedia ada yang digunakan untuk sekatan tersebut adalah melalui sekatan *Domain Name System* (DNS) atau *DNS Blocking* di peringkat penyedia perkhidmatan internet dalam negara. Kaedah ini akan berfungsi sekiranya pengguna menggunakan konfigurasi automatik yang diberikan oleh penyedia perkhidmatan internet. Tetapi terdapat pengguna yang mengubah konfigurasi DNS untuk melangkau sekatan berkenaan yang mendedahkan mereka kepada kandungan terlarang.

Sehubungan dengan itu, sebagai langkah bagi mempertingkatkan keberkesanan tindakan sekatan tersebut, trafik DNS diarahkan semula menggunakan konfigurasi asal. Pelaksanaan pengalihan trafik DNS adalah berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan serta libat urus membabitkan penyedia perkhidmatan internet.

Walau bagaimanapun, arahan tersebut telah dibatalkan dan tindakan sekatan sedia ada akan kekal melalui kaedah sekatan DNS

NO SOALAN : 36

tanpa pengalihan trafik DNS. Kementerian Komunikasi dan MCMC akan mempergiat inisiatif-inisiatif kesedaran di segenap peringkat bagi mendidik masyarakat dalam aspek kawalan sendiri seterusnya menerapkan kemahiran bagi melindungi diri daripada ancaman-ancaman kemudaratan dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN
ABDUL RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : **25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan hospital baru Labuan dapat dilaksanakan dan disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Labuan berkapasiti 122 katil merupakan hospital pakar minor dengan kadar penggunaan katil antara 50-60% dalam tempoh 5 tahun terkini. Buat masa ini KKM memberi fokus untuk memperkasakan perkhidmatan kepakaran di Hospital Labuan dan tiada perancangan untuk membina hospital baharu.
2. Oleh itu dalam usaha untuk perluasan perkhidmatan kepakaran tersebut terdapat perancangan untuk membina sebuah blok klinikal tambahan tertakluk kepada keupayaan penyediaan tenaga kerja, peruntukan serta kelulusan Kerajaan. Selain itu KKM juga akan memberi keutamaan kepada menaik taraf bangunan sedia ada bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL
[JASIN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penjelasan faktor Malaysia turun daripada tangga 55 tahun 2023 ke tangga 59 dalam senarai Laporan Kebahagiaan Dunia 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia MADANI komited kepada aspirasi Malaysia MADANI yang berteraskan manusiawi dalam memastikan rakyat menjalani kehidupan yang sihat dan gembira. Dalam hubungan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah membuat penilaian dan analisis kedudukan Malaysia dalam Laporan Kebahagiaan Dunia tahun 2023 dan 2024.

Laporan Kebahagiaan Dunia ditulis oleh sekumpulan **pakar bebas** yang diterbitkan **pada setiap tahun pada 20 Mac** selaras dengan **Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia**. Laporan ini disediakan melalui kerjasama strategik di antara **syarikat perunding swasta Gallup dengan Oxford Wellbeing Research Centre dan United Nation Sustainable Development Solutions Network**.

Laporan Kebahagiaan Dunia Tahun 2023 telah meletakkan **Malaysia di kedudukan tangga ke-55 daripada 137 negara dengan skor 6.012**. Di peringkat ASEAN pula, Malaysia berada di kedudukan kedua selepas Singapura. **Bagi Laporan Kebahagiaan Dunia Tahun 2024, Malaysia berada di kedudukan ke-59 daripada 143 negara dengan skor 5.975**. Di peringkat ASEAN, Malaysia menduduki tangga kelima paling bahagia selepas Singapura, Filipina, Vietnam dan Thailand.

Menurut laporan terkini, **Malaysia berada di tempat ke-64 bagi aspek kebahagiaan golongan muda (berumur di bawah 30 tahun) dan tempat ke-71 bagi aspek kebahagiaan golongan berusia (berumur di atas 60 tahun)**. Antara aspek yang dikaji adalah tahap kepuasan terhadap **sistem pengangkutan awam, kepuasan terhadap jalan dan lebuh raya, kepuasan terhadap kualiti udara, kepuasan terhadap kualiti air** serta kepuasan terhadap **penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM)**. Dalam Laporan Kebahagiaan Dunia tidak dinyatakan secara terperinci soalan yang ditanya kepada responden dan kaedah penafsiran ke atas maklumbalas yang diberikan. Pasukan yang menyediakan laporan tersebut

juga tidak menjelaskan faktor yang menyebabkan kedudukan Malaysia menurun pada tahun 2024.

Secara umumnya, **pengukuran Indeks Kebahagiaan Dunia adalah berdasarkan kepada *Gallup World Poll (GWP)* di mana responden akan melaksanakan penilaian sendiri (*life evaluations*) melalui Tangga Cantril (*Cantril Ladder*) mengenai tahap semasa mereka secara keseluruhan menggunakan skala 0 hingga 10 ke atas enam (6) pemboleh ubah** iaitu:

- i. KDNK per kapita;
- ii. jangka hayat hidup;
- iii. sokongan sosial;
- iv. kebebasan untuk membuat pilihan hidup;
- v. kemurahan hati, dan
- vi. persepsi rasuah.

Penilaian sendiri ini dijalankan ke atas kira-kira 1,000 responden untuk setiap negara bagi tahun 2021 sehingga 2023 di mana hasil dapatan tersebut digunakan bagi menentukan **Indeks Kebahagiaan Dunia pada tahun 2023. Pada tahun 2024, saiz sampel lebih besar digunakan dan dianalisis berdasarkan pecahan kumpulan umur dan jantina.**

Di peringkat negara pula, KPKT melalui PLANMalaysia **telah melaksanakan pengukuran Indeks Kebahagiaan melalui Jaringan Penunjuk Bandar Mampan Bandar - Luar Bandar Malaysia (MURNInets)** bagi penduduk di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengukurannya lebih mencerminkan tahap kebahagiaan negara yang merangkumi aspek **kehidupan, kesihatan, hubungan kekeluargaan dan jiran tetangga, pengurusan kewangan, aktiviti komuniti, keselamatan, penyediaan kemudahan, perkhidmatan PBT dan wakil rakyat, serta kualiti alam sekitar.** Bagi tahun 2024, pengukuran telah dilaksanakan ke atas **144 PBT di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak** di mana **102 PBT (71%)** mencapai tahap **Bahagia**, **42 PBT (29%)** mencapai tahap **seederhana Bahagia** dan **sembilan (9) PBT** tidak menyertai.

NO SOALAN : 38

Kerajaan MADANI sentiasa berikhtiar dalam menyokong dan mengamalkan dasar yang berteraskan kesejahteraan sosial demi meningkatkan kebahagiaan, keceriaan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 [ISNIN]

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan terkini Kementerian melonjakkan industri kerang bagi menjadikan negara sebagai pengeluar kerang terbesar di Asia Tenggara seperti era tahun 1980-an.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeluaran perikanan negara bagi subsektor akuakultur pada tahun 2023 adalah sebanyak 507,000 tan metrik dengan nilai RM4.5 bilion, di mana pengeluaran kerang-kerangan telah menyumbang sebanyak 3.5% iaitu berjumlah 17,900 tan metrik dengan nilai sebanyak RM140.1 juta.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Food and Agriculture Organization* (FAO) 2022, Malaysia tersenarai di kedudukan ke-dua (2) bagi pengeluaran kerang-kerangan di peringkat serantau (Asia Tenggara) terutama bagi kerang darah (*Anadara granosa*). Kawasan ternakan kerang utama ialah Selangor, Perak dan Johor sementara eksport negara adalah Singapura dan China.

Malaysia berpotensi dalam pengeluaran kerang-kerangan melalui adaptasi teknologi akuakultur moden, walaupun mendepani cabaran seperti pencemaran dan kos pengeluaran yang tinggi akhir-akhir ini.

Bagi melonjakkan industri kerang negara, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah merancang untuk melaksanakan inisiatif berikut:

- (i) meningkatkan penyertaan dan meluaskan Projek Kebun/ Estet Kerang. Pada masa ini, DOF giat membangun dan memperluaskan Konsep Kebun Kerang di perairan Pantai Barat Malaysia termasuk negeri Pulau Pinang, Perak, Melaka dan Johor dengan penambahbaikan sistem ternakan berbanding konsep asal;
- (ii) melaksanakan Projek Pembenihan Aruhan dan Pembakaan Kerang oleh Institut Penyelidikan Perikanan bagi menghasilkan benih kerang secara semulajadi yang berterusan. Pada 2024, kajian kerang-kerangan telah dilaksanakan di 8 negeri termasuk Kedah. Memorandum Perjanjian (MoA) Kerjasama Penyelidikan

NO. SOALAN: 39

dan Pembangunan (R&D) Pembenihan Aruhan dan Kebun Kerang telah dimeterai antara Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerajaan negeri;

- (iii) melaksanakan kajian pemetaan kerang-kerangan oleh Institut Penyelidikan Perikanan dari tahun 2021 sehingga kini. Pada tahun 2024, kajian ini telah dilaksanakan di Kuala Muda dan Kota Setar, Kedah manakala pada tahun 2025 kajian akan dilaksanakan di tapak baharu seperti Langkawi, Tanjung Dawai dan lain-lain tempat yang berpotensi;
- (iv) menyalurkan bantuan kepada pengusaha yang berkelayakan melalui Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Akuakultur; dan
- (v) melaksanakan penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] bagi kes-kes tangkapan melibatkan pengurusan kerang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) apakah pihak Kementerian tidak mengkaji dan menyiasat dahulu cadangan tapak baru bagi pembinaan Hospital Maran yang mana telah ditolak oleh pihak Jawatankuasa dahulu; dan
- (b) sejauh manakah tindakan Kementerian dalam usaha menyegerakan pembinaan Hospital Maran serta perkembangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Hospital Maran telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP-4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di bawah Butiran Kerja Awalan Fasiliti Kesihatan. Kelulusan di bawah Butiran Kerja Awalan ini adalah bagi membolehkan kajian kesesuaian tapak dilaksanakan terlebih dahulu termasuk kerja-kerja siasatan tanah bagi membolehkan reka bentuk awal disediakan untuk menentukan anggaran kos projek.
2. Susulan daripada kerja-kerja awalan yang telah dilaksanakan, projek ini ditangguhkan berikutan tapak cadangan tersebut didapati tidak sesuai berikutan keadaan tanah yang berbukit, mempunyai kawasan takungan air semula jadi dan alur sungai di samping kos terlalu tinggi dan tidak memenuhi prinsip *value for money* bagi tujuan membina hospital berkapasiti 76 katil.
3. Pada masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang mengenal pasti tapak baharu yang lebih sesuai bagi projek ini. Seterusnya, Kementerian Kesihatan dalam proses menguruskan pengambilan balik tanah tapak cadangan baharu ini dan dijangka dapat diselesaikan pada awal tahun 2025.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, projek pembinaan Hospital Maran, Pahang telah disenaraikan dalam Pelan Induk Fasiliti Kesihatan Negeri Pahang Tahun 2023-2025 sebagai permohonan keutamaan bagi *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) pada tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI
[KAPAR]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah persiapan negara untuk memastikan kedaulatan negara terjamin khususnya di kawasan sempadan perairan negara dan udara dalam situasi perkembangan geopolitik antarabangsa yang semakin tidak stabil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan tetap komited dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi untuk mempertahankan kedaulatan negara dan memastikan kesiagaan aset berada pada tahap yang optimum dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman keselamatan di perairan negara terutamanya di Laut China Selatan.
2. Terdapat sekurang-kurangnya 4 pendekatan utama yang diambil Kementerian Pertahanan dalam hal ini.
3. **Pertama, kesiagaan dan pemodenan aset.**
4. Antara pelan dan program kesiagaan aset yang sedang diusahakan oleh Kementerian Pertahanan dan ATM adalah:

a. Littoral Combat Ship (LCS)

Perolehan LCS ini sedang dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan di dalam kontrak. Status kemajuan semasa bagi perolehan LCS secara keseluruhan merangkumi elemen rekabentuk, pembinaan, peralatan serta ujian yang berakhir pada 25 Ogos 2024 adalah sebanyak 69.58% berbanding perancangan iaitu 69.50% dengan perbezaan sebanyak 0.08% (melebihi jadual daripada yang dirancangan).

Berdasarkan perancangan perbatuan yang terkandung dalam kontrak yang telah ditandatangani, fasa akhir pembinaan kapal LCS pertama akan disiapkan pada penghujung tahun 2024 sebelum ia menjalani ujian seperti *Harbour Acceptance Test (HAT)* dan *Sea Acceptance Trial (SAT)* oleh pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk tempoh 2 tahun. Bagi Kapal LCS kedua pula, ia akan turun ke permukaan air sebelum ia menjalani HAT dan SAT pada pertengahan tahun 2025.

b. Littoral Mission Ship (LMS)

Melalui peruntukan kewangan yang telah diluluskan dalam RMKe-11 dan RMKe-12, TLDM berjaya memperoleh empat buah kapal *Littoral Mission Ship Batch 1* (LMSB1) yang ditempatkan di Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan sedang melaksanakan perolehan tiga buah kapal *Littoral Mission Ship Batch 2* (LMBS2) yang telah diluluskan melalui *Rolling Plan Ke-3* secara GtoG dengan Kerajaan Turkiye.

c. Markas Wilayah Laut 4 (MAWILLA 4) di Bintulu, Sarawak

Kementerian Pertahanan telah mendapat kelulusan bagi pembangunan pangkalan TLDM yang baharu iaitu Markas Wilayah Laut 4 (MAWILLA 4) di Bintulu, Sarawak. Cadangan untuk mewujudkan Pangkalan TLDM yang baharu di Sarawak adalah hasil penilaian strategik berpusat kepada dua perkara utama iaitu melindungi kepentingan sumber negara serta mempertahankan kedaulatan negara daripada insiden pencerobohan asing.

5. **Kedua, pelaksanaan operasi dan peningkatan kapasiti.**
6. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah membangunkan pelan pembangunan keupayaan domain laut bagi memperkasakan keupayaan pertahanan dan kapasiti ATM dalam mencegah sebarang bentuk ancaman di kawasan perairan negara terutamanya di Laut China Selatan.
7. Pihak TLDM bersama-sama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) juga sentiasa melaksanakan rondaan dan pengawasan dengan memperagakan kehadiran (*show of presence*) di Laut China Selatan.
8. Ini bagi memastikan kesedaran domain maritim atau *Maritime Domain Awareness* (MDA) sentiasa berada pada tahap tertinggi serta kedaulatan Zon Maritim Malaysia (ZMM) sentiasa terpelihara.

9. Antara operasi yang dilaksanakan adalah:
- a. TLDM - Op SATRIA, Op Sinar Samudera, Op Daulat Benua.
 - b. TUDM - Op DAYA, Op Rondaan Maritim Pelantar Minyak.
 - c. Op Bersepadu antara TLDM dan APMM.
 - d. Eksesais Bersama Shield melibatkan Amerika Syarikat, Australia, Singapura, dan Indonesia.
 - e. Eksesais Bersama LIMA (Lima Negara, Five Power Defence Arrangements, FPDA), melibatkan Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan United Kingdom (UK).
10. **Ketiga, memperkukuh diplomasi pertahanan.**
11. Selain kesiagaan aset dan operasi bersepadu pada setiap masa, Kementerian Pertahanan turut menjadikan pengukuhan diplomasi pertahanan secara dua hala dan pelbagai hala sebagai salah satu strategi dalam memastikan keselamatan negara dan kestabilan serantau.
12. Ini termasuklah memanfaatkan kedudukan dan penglibatan kita dalam ASEAN khususnya melalui libat urus secara konstruktif dengan rakan sejawat melalui platform kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala seperti *ASEAN Defence Ministers' Meeting* (ADMM) dan ADMM Plus dalam mengendalikan isu-isu keselamatan termasuk keselamatan maritim di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN
MAN [KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme yang akan digunakan untuk memastikan portal peta kejadian banjir yang akan diumumkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) benar-benar dapat membantu pembeli rumah membuat keputusan yang lebih baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa fokus dan komited untuk memastikan setiap rakyat mendapat akses kepada perumahan yang berkualiti dan kondusif. Dalam menjayakan agenda perumahan negara selaras dengan Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025, **perancangan pemajuan perumahan yang dilaksanakan adalah berdasarkan Garis Panduan Perancangan Perumahan** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Secara umumnya, **perancangan reka bentuk pemajuan perumahan perlu mengambil kira kehendak teknikal dan arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di sesebuah negeri** dan perlu diselaraskan dengan dasar, pekeliling dan piawaian Rancangan Pemajuan yang berkuat kuasa di sesebuah kawasan di mana pemajuan akan dilaksanakan. Kebiasaannya ia adalah **berdasarkan faktor geografi/ bentuk muka bumi sesuatu tapak pemajuan perumahan, kepadatan penduduk dan permintaan pasaran sesuatu kawasan**.

Di samping itu, KPKT juga telah memperkenalkan **Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) pada tahun 2019**. Melalui DRMM ini, Kerajaan telah menggariskan **standard, spesifikasi utama, harga** serta **panduan** bagi pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) sama ada yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta. Ini adalah **selari dengan Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26:2019)** yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Berhubung portal peta kejadian banjir yang dibangunkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), KPKT sentiasa mengambil pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-nation*, dan justeru itu, **bersedia untuk meneliti dan mengkaji maklumat serta ketersediaan portal untuk diasimilasikan dengan**

dasar, proses, prosedur serta sistem sedia ada melibatkan aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan perumahan. Ini secara amnya akan memberikan manfaat kepada rakyat melalui penyampaian maklumat yang telus, dan membolehkan rakyat membuat keputusan termaklum (*informed decision*) khususnya sebagai pembeli rumah.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, KPKT sentiasa terbuka melihat peluang kerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan agar perumahan yang disediakan adalah mampu dimiliki, berkualiti dan menepati keperluan rakyat seperti dihasratkan oleh Kerajaan MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI
TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam mempertahankan kebebasan hak bersuara dan hak media ekoran kejatuhan kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Akhbar 2024 dan kebimbangan mengenai sekatan terhadap portal berita dan media yang turut disuarakan dalam Laporan Amnesty International 2023/2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menyokong prinsip kebebasan media dan menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara bukan bersifat mutlak, sebaliknya harus dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika dan mengambil kira kepelbagaian budaya dan agama yang mencorakkan masyarakat Malaysia. Tambahan pula Malaysia terikat dengan Perlembagaan yang menggariskan kebebasan bersuara terutama perkara sensitif melibatkan sentimen 3R (*race, religion, royalty*).

Kementerian Komunikasi sentiasa komited dan berusaha memperkasa kebebasan media serta kebebasan bersuara melalui jabatan dan agensi di bawahnya. Sebagai contoh, Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) telah membangunkan Kod Etika Wartawan Malaysia untuk mengangkat martabat media dengan memastikan maklumat yang disampaikan kepada pihak umum adalah bersandarkan Etika Kewartawanan Malaysia (EKM) 1989 seperti yang telah digariskan sebelum ini. Kod Etika tersebut tidak bertujuan menyekat kebebasan media dalam menjalankan tugas dan bertindak sebagai suara kepada rakyat.

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) menerusi ketiga-tiga platform penyiarannya iaitu televisyen, radio dan media digital mengamalkan konsep liputan berimbang dan bertanggungjawab tanpa mengambil kira fahaman politik dan subjek liputan serta mengutamakan faedahnya kepada rakyat dan negara asalkan ia tidak melibatkan provokasi kepada mana-mana pihak. Prinsip ini bersesuaian dengan amalan yang digariskan oleh Kod Etika Penyiaran yang menjadi rujukan RTM sejak tahun 2003 (semakan 2023) iaitu mengutamakan nilai berita dan memuatkan pandangan pro dan kontra semua pihak. Ia juga seiring dengan matlamat memberi kebebasan untuk penyiar berkarya dan berkreativiti tetapi pada masa yang sama memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Sebagai agensi berita nasional, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) memberi ruang kepada mana-mana pihak untuk menyampaikan maklumat melalui platform komunikasinya. Ini termasuk BERNAMA Wires, BERNAMA TV dan BERNAMA Radio serta media sosial yang merangkumi TikTok, Facebook, Instagram dan X.

Berdasarkan kepada aspek perundangan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) tidak pernah bertindak untuk mengehadkan kebebasan media elektronik selagi mana penggunaannya tidak melanggar peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233 di bawah Akta tersebut. Kebebasan ini turut dinikmati oleh pengamal media dalam melaporkan berita selagi mana tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada.

Para pengamal media juga adalah disyorkan untuk merujuk kepada Kod Kandungan 2022 (Kod Kandungan) yang memberikan panduan jelas berhubung standard kandungan yang selaras dengan Akta 588 dalam memastikan pelaporan yang bertanggungjawab selain daripada melangkaui batas kebebasan media.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
menyatakan:**

- (a) apa keperluannya melantik syarikat untuk mengurus pembajaan pesawah melalui Program Baja Rintis di Kawasan Barat Laut Selangor khususnya di kawasan Sekinchan; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat meneruskan Program Baja Rintis ini di semua kawasan Jelapang Padi terutamanya di Barat Laut Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah diperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi pelaksanaan kaedah baharu perolehan baja secara tender terbuka dan RM50 juta bagi pembekalan baja bio dan organik bagi meningkatkan kesuburan tanah secara tender terbuka. Pelantikan syarikat pembekal secara tender terbuka ini bertujuan untuk menambah baik kaedah pembekalan dan pengedaran baja sedia ada. Antara rasional pelantikan syarikat dalam pengurusan pembajaan pesawah adalah seperti berikut:
- (i) mengurangkan kos tambahan untuk perkhidmatan menghantar dan menabur baja yang ditanggung pesawah;
 - (ii) membolehkan pemantauan berkala oleh pihak syarikat melalui penggunaan teknologi seperti *Internet of Things* (IoT) dan dron;
 - (iii) meningkatkan kecekapan pembekalan dan penghantaran baja dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kelewatan dalam pembekalan dan penghantaran ke kawasan terlibat; dan
 - (iv) melantik syarikat yang mempunyai potensi dalam pembekalan, penghantaran dan perkhidmatan aplikasi dan bersaing secara lebih adil dan telus di samping dapat menjamin harga tender yang ditawarkan mengikut pasaran semasa.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKM berhasrat untuk meneruskan Program Baja Rintis di kawasan terpilih melibatkan empat (4) negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan bagi melihat keberkesanan melalui pelaksanaan

NO SOALAN : 44

pembajaan tepat, namun pelaksanaannya adalah tertakluk kepada peruntukan yang akan disediakan pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta
MENTERI EKONOMI menyatakan:**

(a) perincian mengenai kebolehlaksanaan penyasaran subsidi bahan api bagi RON95, unjuran garis masa pelaksanaannya dan jaminan Kementerian supaya ia tidak akan meningkatkan kos sehingga membebankan B40 dan M40; dan

(b) perancangan Kementerian untuk membenarkan kenderaan Brunei menggunakan RON95 di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa ucapan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024, YAB Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa Kerajaan akan melaksanakan penyasaran subsidi RON95 pada pertengahan tahun 2025. Pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 ini akan meliputi 85% rakyat. Penentuan penerima subsidi pula akan berdasarkan perbelanjaan asas kehidupan wajar (PAKW) isi rumah.

2. PAKW merujuk kepada amaun perbelanjaan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menjalani kehidupan wajar yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak serta berpeluang menyertai aktiviti sosial dalam masyarakat. PAKW akan memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kemampuan isi rumah dalam menjalani kehidupan wajar. Penggunaan PAKW menyokong peralihan konsep daripada pendapatan kasar kepada pendapatan boleh guna bersih, iaitu pendapatan bersih selepas ditolak pindahan semasa yang dibayar dan PAKW yang meliputi kos makanan dan bukan makanan seperti pakaian, tempat tinggal, utiliti, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, komunikasi dan keperluan diri berdasarkan HIES mengikut lokasi dan jumlah isi rumah).

3. Di samping itu, PAKW turut bermanfaat dalam memperjelas tentang kos sara hidup di kawasan yang berbeza antara negeri, sama ada di bandar atau luar bandar, menjadi indikator dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi dan penentuan gaji yang lebih adil serta dapat membantu individu dan keluarga merancang perbelanjaan dan pengurusan kewangan isi rumah dengan lebih baik. Konsep PAKW juga boleh dijadikan asas untuk mengurangkan ralat keciciran dalam pengagihan bantuan (*inclusion and exclusion error*) dengan memastikan golongan yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan.

4. Pelaksanaan subsidi RON95 pada tahun 2025 dijangka akan memberikan penjimatan kepada perbelanjaan Kerajaan sebanyak RM3.6 bilion atau pengurangan sebanyak 21.9% kepada keseluruhan perbelanjaan subsidi, sekiranya subsidi hanya diberikan kepada golongan

B85 dan warga negara. Dengan memastikan penyasaran subsidi RON95 tidak melibatkan bukan warga negara akan memberi manfaat penjimatan sebanyak RM0.3 bilion (2.0%) kepada Kerajaan. Justeru, Kerajaan tidak berhasrat untuk membenarkan kenderaan milik bukan warga negara untuk mendapat subsidi RON95. Langkah ini adalah selaras dengan matlamat untuk mengukuhkan lagi kedudukan fiskal negara seperti yang dinyatakan didalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :**

- a) usaha Kementerian dalam menangani masalah keseimbangan hidup dan kerja (*work life balance*) rakyat di negara ini; dan
- b) faktor yang menyebabkan Malaysia berada di kedudukan tercorot di Asia dan kedua terburuk di dunia dalam kajian berkaitan keseimbangan hidup dan kerja daripada 60 negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa proaktif dan berusaha secara berterusan dalam merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani masalah keseimbangan hidup dan kerja (*work life balance*) rakyat di negara ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

KESUMA menggalakkan para majikan untuk melaksanakan *Work-Life Practices* (WLPs) yang bertujuan memberi keseimbangan yang lebih baik antara kerja dan kehidupan serta menyediakan persekitaran kerja yang mesra keluarga. WLPs telah diklasifikasikan kepada **tiga (3) kategori utama** iaitu:

- (i) ***Flexible Work Arrangements (FWAs)*** yang memberikan fleksibiliti kepada pekerja melalui kaedah bekerja dari rumah. TalentCorp bersama KESUMA telah mengeluarkan garis panduan untuk rujukan industri bagi pelaksanaan *Flexible Work Arrangements (FWAs)*. Di bawah inisiatif ini, TalentCorp juga membantu majikan dalam menyusun strategi untuk mengamalkan amalan FWA secara efektif di tempat kerja melalui **beberapa pendekatan** seperti berikut:
 - a) **Advokasi** – Sesi libat urus serta advokasi kepada semua sektor organisasi melalui sesi perkongsian maklumat (*knowledge-sharing*) serta sesi khas bersama organisasi;
 - b) **Kepimpinan** - Membangunkan terma rujukan *toolkits* untuk menyokong organisasi dalam mengamalkan amalan tempat kerja yang terbaik.
 - c) **Fasilitasi** – Penyediaan fasilitasi bagi memupuk budaya amalan terbaik di tempat kerja melalui bengkel serta khidmat nasihat secara menyeluruh.

- (ii) **Work-Life Benefits** iaitu insentif yang ditaja oleh majikan seperti Lanjutan Cuti Bersalin (*Extended Maternity Leave*), Cuti Bersalin untuk Bapa (*Paternity Leave*), Cuti Belajar (*Study Leave*) dan insentif; dan
- (iii) **Family-Friendly Facilities** merujuk kepada kemudahan yang ditaja oleh organisasi/ majikan di tempat kerja untuk memberi sokongan kepada ibu bapa yang bekerja.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia, seperti negara lain turut berdepan dengan pelbagai cabaran dalam usaha mencapai keseimbangan hidup dan kerja yang lebih baik. Merujuk kepada kajian yang dimaksudkan, faktor yang menjadi antara penyumbang utama kepada kedudukan yang tidak memuaskan dalam kajian tersebut adalah budaya kerja yang menekan, jam kerja panjang, kekurangan sokongan sosial, dan ketidakseimbangan dalam polisi kesejahteraan pekerja. Selain itu, gaji yang tidak setimpal turut menyumbang kepada ketidakseimbangan hidup dan kerja.

Beberapa inisiatif utama telah diambil oleh Kerajaan untuk menambah baik keseimbangan hidup dan kerja. Inisiatif-inisiatif ini tertumpu kepada peningkatan keselamatan tempat kerja, kesihatan mental dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat bagi rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menyegerakan pembinaan kapal Littoral Combat Ship (LCS) bagi menghadapi ancaman pihak luar terhadap kawasan zon ekonomi dan kepulauan milik Malaysia di perairan Laut China Selatan yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sentiasa komited dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi untuk mempertahankan kedaulatan negara dan memastikan kesiagaan aset berada pada tahap yang optimum dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman keselamatan di perairan negara terutamanya di Laut China Selatan.
2. Berhubung dengan perancangan dalam menyegerakan pembinaan kapal *Littoral Combat Ship* (LCS), pada masa ini, perolehan ini masih dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan di dalam kontrak. Status kemajuan semasa bagi perolehan LCS secara keseluruhan merangkumi elemen rekabentuk, pembinaan, peralatan serta ujian yang berakhir pada 25 Ogos 2024 adalah sebanyak 69.58% berbanding perancangan iaitu 69.50% dengan perbezaan sebanyak 0.08% (melebihi jadual daripada yang dirancangan).
3. Berdasarkan perancangan perbatuan yang terkandung dalam kontrak yang telah ditandatangani, fasa akhir pembinaan kapal LCS pertama akan disiapkan pada penghujung tahun 2024 sebelum ianya menjalani ujian seperti *Harbour Acceptance Test* (HAT) dan *Sea Acceptance Trial* (SAT) oleh pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk tempoh 2 tahun. Bagi Kapal LCS kedua pula, ianya akan turun ke permukaan air sebelum ianya menjalani HAT dan SAT pada pertengahan tahun 2025.

Sekian, terima kasih.